Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Mei 2019. Pelarasan ini bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari.**
- **Seterusnya, MPC mengekalkan OPR pada paras yang sama dalam mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Julai 2019. Pada kadar semasa ini, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan inflasi.**

MPC menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat MPC yang berlangsung pada bulan Mei 2019 dan mengekalkan OPR pada paras yang sama dalam mesyuarat yang berlangsung pada bulan Julai 2019

Pada bulan Mei 2019, Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Dalam keadaan persekitaran global yang mencabar, MPC menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang dalam lingkungan unjuran asas iaitu antara 4.3% hingga 4.8% pada tahun 2019. Namun begitu, masih wujud risiko pertumbuhan dalam negeri menjadi rendah disebabkan oleh ketidakpastian yang semakin meningkat dalam persekitaran global dan dalam negeri, ketegangan perdagangan dan kelemahan yang berlanjutan dalam sektor berkaitan komoditi. Walaupun keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi, terdapat tanda-tanda keadaan kewangan menjadi semakin ketat. Oleh itu, pelarasan terhadap OPR adalah bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari.

Pada mesyuarat berikutnya pada awal bulan Julai 2019, MPC mengekalkan OPR pada 3.00%. Pada kadar semasa ini, pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dan inflasi.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2019 pada amnya dijangka stabil berbanding dengan tahun 2018. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi keseluruhan akan terus bergantung pada harga minyak dunia dan langkah-langkah dasar seperti masa pemansuhan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik. Inflasi asas dijangka kekal stabil kerana disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

MPC akan terus menilai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi untuk memastikan pendirian dasar monetari terus kondusif terhadap pertumbuhan yang berterusan dalam keadaan harga yang stabil.

Sorotan dasar lain pada suku kedua 2019

Sorotan dasar	Keperluan penting
Insurans Kredit Perdagangan/ Takaful Kredit Perdagangan (TCIT) – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar yang berkuat kuasa pada 3 Mei 2019 ini menetapkan kehendak pengawalseliaan berkenaan dengan penawaran TCIT, termasuk keperluan yang melibatkan proses kelulusan dan pengemukaan maklumat. • Pengawalseliaan yang lebih jelas adalah bertujuan untuk meningkatkan jumlah produk fasilitasi perdagangan sedia ada, termasuk produk patuh Syariah yang akan menyokong pertumbuhan perniagaan berstatus halal di Malaysia. • Penawaran TCIT juga akan menyumbang kepada kepelbagaian portfolio produk perlindungan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful berlesen.

Rangka Kerja untuk Platform Perdagangan Elektronik (ETP) – Draf Dedahan	• Draf dedahan yang diterbitkan pada 14 Jun 2019 ini menetapkan keperluan dan kehendak Bank terhadap peserta pasaran yang menawarkan perkhidmatan ETP dalam pasaran wang dan pertukaran asing di Malaysia.
	• Draf dedahan ini bertujuan untuk memastikan bahawa perkhidmatan ETP yang ditawarkan kepada peserta Malaysia adalah selamat, cekap dan mantap, untuk mengekalkan keadaan pasaran yang teratur dan untuk menjaga integriti pasaran kewangan.
	• Khususnya, pengendali platform hendaklah–
	  ○ mendapatkan kelulusan Bank terlebih dahulu; dan
	  ○ mempunyai kapasiti operasi dan tadbir urus yang mencukupi bagi memastikan pemisahan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas dalam Pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Pendaftaran Perniagaan Pengagregatan Insurans dan Takaful – Draf Dedahan	• Draf dedahan ini diterbitkan pada 18 Jun 2019 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai bagi menetapkan kehendak yang dicadangkan bagi pendaftaran agregator insurans dan takaful sebagai satu kategori perniagaan baharu di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. • Draf dedahan ini bertujuan memberikan kejelasan tentang pengolahan pengawalseliaan terhadap perkhidmatan tanpa khidmat nasihat, termasuk obligasi terhadap prosedur pendaftaran dan tatalaku perniagaan yang perlu dipatuhi oleh agregator insurans dan takaful berdaftar pada setiap masa.

Rangka Kerja Operasi Takaful – Dokumen Dasar	• Dokumen dasar ini menetapkan parameter yang telah diperkukuh bagi pengendali takaful dan pengendali takaful semula yang berlesen mengenai pengurusan kumpulan wang takaful dan pemegang saham.
	• Penambahbaikan kepada dokumen dasar ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan takaful dan kemampanan kumpulan wang takaful dengan–
	  ○ membenarkan fleksibiliti dalam mengguna pakai kontrak-kontrak Syariah baharu, tertakluk pada pematuhan dasar pengawalan tertentu; dan
	  ○ memperkukuh kehendak Bank terhadap pengendali takaful berkenaan keutuhan polisi dalaman untuk mengurus kumpulan wang takaful tambahan, kawalan dalaman ke atas aktiviti transaksi silang antara kumpulan wang dan keperluan bagi pengurusan kumpulan wang simpanan dan pelaburan secara berasingan.
	• Dasar ini akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.